

**Menyingkap Pengalaman Legenda Lari Jarak Jauh: Datuk M.  
Ramachandran**

Norhidayah Mat Al Kamah

Nur Aina Ibrahim

Nordiana Mohd Nordin

Saiful Farik Mat Yatin

**Fakulti Pengurusan Maklumat**

**UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana**

Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

**Abstrak**

Artikel ini ditulis untuk menceritakan dengan lebih mendalam tentang biografi dan pengalaman seorang legenda dalam sukan balapan, bagi acara lari jarak jauh. Tokoh yang bakal menjadi tunjang utama artikel ini ialah Datuk Ramachandran Murusamy. Beliau bukan sahaja berkecimpung dalam sukan balapan (lari jarak jauh) malah juga merupakan seorang jurulatih professional untuk Sukan Sukma di Malaysia. Beliau juga merupakan seorang eksekutif di salah sebuah cawangan Maybank di Melaka, Malaysia. Artikel ini menceritakan tentang latar belakang, cabaran, sumbangan dan juga penglibatan beliau dalam bidang sukan balapan (lari jarak jauh). Selain itu, artikel ini juga menceritakan tentang anugerah dan pencapaian yang membanggakan negara yang disumbangkan sepanjang penglibatan beliau dalam bidang olahraga ini. Di dalam artikel ini juga, beliau telah memberikan pandangan dan berkongsi harapan mengenai sukan balapan pada masa akan datang di Malaysia. Maklumat ini diperoleh melalui hasil dokumentasi lisan yang telah dijalankan dan pengumpulan maklumat melalui pembacaan penulis.

**Kata kunci:** M.Ramachandran, Jurulatih, Sukan Balapan, Lari Jarak Jauh, Sukma.

**Abstract**

This article is written to take a closer look at the biography and experiences of the legend of the long-distance running sportsman. Datuk Ramachandran Murusamy is the main catalyst for this article. He is not only involved in the long distance running, but also as a professional trainer at the Sukma Games of Malaysia. He was previously the bank executive of Maybank in Melaka,

Malaysia. This article is discussing on his background, challenges, contributions and even his involvement in the long-distance running. In addition, he shared the awards and achievements he obtained. He is extremely proud of the achievements and his countless contributions to the country throughout his career as a long-distance runner. He also shared his views and hopes for current sports activities in Malaysia. This information is legally obtained from the results of the oral interview that has been conducted and through the readings by the authors.

**Keywords:** M. Ramachandran, Coach, Sports Racing, Long Distance Run, Sukma.

### **Latar Belakang**

Datuk M. Ramachandran (DPSM, KMN, AMN, BCM, PJK) dilahirkan pada 9 April 1966 di Panchor, Muar, Johor. Bapa beliau adalah Encik Murusamy a/l Thiruvengadam yang berusia lapan puluh lapan (88) tahun dan ibu beliau Puan Muniammal a/p Sinnappa Reddy telah meninggal dunia kira-kira dua (2) tahun lalu. Ibu bapa beliau berasal dari India yang bermigrasi ke Malaysia dan terus bermaustautin di negara ini. Beliau merupakan anak ketujuh (7) daripada sembilan (9) orang adik-beradik, yang terdiri daripada empat (4) lelaki dan empat (4) perempuan.

Datuk Ramachandran mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kota Raja Panchor, Muar. Menurut beliau, semasa di bangku sekolah rendah beliau menghadapi penyakit asma, yang membuatkan beliau tidak dapat aktif dalam sukan. Beliau hanya mampu sekali-sekala bermain badminton dan bolasepak lantaran tahap kesihatan yang tidak begitu mengizinkan dan sering tercungap-cungap ketika bermain. Memandangkan beliau bersekolah di sekolah kebangsaan, maka kebanyakan rakannya adalah berbangsa Melayu. Datuk Dr. Ramachandran berkongsi kisah lucu ketika di sekolah rendah apabila mendapat nama gelaran "MJ" sempena nama salah seorang pelakon terkemuka di India pada ketika itu. Seterusnya, beliau melanjutkan pelajaran di Sekolah Menengah Sultan Alauddin Riayat Shah 1 Pagoh, Muar dari tingkatan satu (1) hingga ke tingkatan lima (5). Beliau menamatkan alam persekolahan di tingkatan enam (6) di Maktab Adabi Maharani Muar dengan keputusan STPM yang agak memberansangkan.

Rentetan dari itu, Datuk Ramachandran telah mendapat tawaran untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi, namun beliau terpaksa

akur lantaran kecintaan beliau terhadap bidang sukan yang begitu tinggi. Datuk Ramachandran menolak peluang ke menara gading bagi memberi seluruh tumpuan kepada bidang yang sangat beliau minati iaitu sukan. Selanjutnya, beliau mengambil kursus dalam bidang perniagaan selama dua tahun sejerus selepas Maybank menawarkan pekerjaan kepada beliau.

Beliau telah menamatkan zaman bujang ketika berusia tiga puluh empat (34) tahun. Isteri beliau Datin S. Chitra dilahirkan di Jasin, Melaka pada 1973 dan merupakan seorang bekas jururawat. Mereka dikurniakan dua orang cahayamata iaitu seorang lelaki yang diberi nama R. Vikneswaran dan seorang perempuan iaitu R. Keertana yang masing-masing berusia 18 dan 15 tahun. Anak lelaki beliau kini sedang melanjutkan pelajaran di peringkat matrikulasi di Gopeng, Perak manakala anak perempuannya pula bakal menghadapi pentaksiran tingkatan tiga (3) (PT3) pada tahun 2020 ini. Pada tahun 2000, Datuk Ramachandran telah mengumumkan persaraan beliau. Selanjutnya, dengan berbekalkan pengalaman dan kebolehan yang luar biasa, beliau menjadi seorang jurulatih olahraga kebangsaan. Beliau yang mendapat sokongan penuh daripada isteri berikrar untuk meneruskan usaha melatih atlet-atlet baharu agar turut sama mengharumkan nama negara di persada dunia sepertimana yang pernah beliau kecapai suatu masa dahulu.

### **Kerjaya Awal**

Pada peringkat awal, Datuk Ramachandran bekerja di Maybank bermula sebagai kerani sebelum dinaikkan pangkat sebagai pegawai eksekutif di bank berkenaan sehingga ke hari ini. Maybank telah menawarkan pekerjaan berlandaskan latar belakang, kecemerlangan serta jasa beliau kepada negara. Sebagai seorang atlet yang telah berjaya merangkul banyak pingat ketika mewakili negara dalam sukan balapan, khususnya bagi acara lari jarak jauh, penghargaan ini adalah sangat wajar.

### **Pengalaman Sebagai Pemain Sukan Balapan**

Pengalaman Datuk Ramachandran sebagai pemain sukan balapan sudah bermula semenjak di bangku sekolah menengah lagi. Pada asalnya, Datuk Ramachandran tidak aktif bermain sukan semasa kecil kerana menghidapi penyakit asma. Namun, setelah meningkat remaja dan melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah, bakat beliau mulai menyerlah. Segala-galanya berubah sewaktu beliau bermain bola sepak di padang Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Lanadron, Panchor, apabila seorang guru memerhatikannya berlari ke hulu dan hilir mengejar bola. Guru yang bernama Encik Shahrom bin Suhaimi itu mengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Alauddin Riayat Shah 1 pada ketika itu.

Di peringkat awal, Datuk Ramachandran tidak begitu berminat dengan sukan balapan, tetapi setelah diminta dan juga didorong oleh guru tersebut, beliau mula mencuba untuk menjadi seorang atlet lari jarak jauh. Kemenangan beliau buat kali pertama memenangi pertandingan lari jarak jauh 800m mewakili rumah sukan sekolah dengan bersaing dengan pelajar yang lebih senior yang merupakan pelajar tingkatan lima (5) telah menjadi pencetus utama kepada penglibatan beliau untuk mulai meminati sukan balapan. Terinspirasi dengan kemenangan tersebut, remaja ini tidak lagi mahu bermain bola, dan menyifatkan "kaki" beliau hanya untuk berlari. Sejak dari itu, beliau meneruskan kebolehannya sebagai atlet pelari bagi acara 800m dan 1500m. Kehebatan beliau berterusan hingga ke peringkat daerah dan negeri. Encik Shahrom yang merupakan jurulatih beliau ketika itu. Encik Shahrom begitu komited melakukan latihan intensif sehingga umur beliau mencecah enam belas (16) tahun. Pada ketika itu, beliau telah dengan cemerlang memenangi tiga (3) pingat emas di peringkat sekolah, daerah dan negeri. Selanjutnya ketika berumur sembilan belas (19) tahun pada tahun 1985, beliau memenangi tiga (3) lagi pingat di peringkat lebih tinggi iaitu di peringkat Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM) dalam acara 1500m, 5000m dan 3000m lari berhalangan. Dengan usaha yang gigih, beliau telah mendapat tempat ketiga dalam kejohanan olahraga kebangsaan daripada menduduki tempat kelima pada tahun sebelumnya. Pada tahun 1987 semasa kejohanan olahraga kebangsaan beliau telah memenangi pingat emas pertama dalam acara 5000m.

Sejak memenangi acara tersebut, beliau mula memberikan lebih tumpuan pada acara 5000m dan 10000m. Datuk Ramachandran telah mewakili negara atas jemputan Raja Thai di Bangkok untuk kejohanan olahraga, seterusnya

telah memenangi pingat gangsa pada acara tersebut. Buat pertama kali, beliau telah mencatat masa bawah dua puluh (20) minit dan seterusnya telah menjadi ahli kelab olahraga SWIFT Singapura. Bermula dari situ, bakat beliau semakin menyerlah dengan memenangi banyak pingat dan di sanalah juga beliau berjaya memecahkan rekod kebangsaan dengan mencatatkan masa bawah lima belas (15) minit di kejohanan olahraga antara kelab Singapura dengan catatan masa 14:57.55.

Kehebatan Datuk Ramachandran semakin menyerlah apabila telah berjaya mencatatkan masa 14:38.61 dalam acara 5000m di Sukan Sea dan merupakan rekod baru yang beliau pecahkan ketika dipilih untuk mewakili Malaysia di Kuala Lumpur. Jurulatih beliau ketika itu adalah Encik R. Jeganathan. Pada tahun 1989, di kejohanan olahraga terbuka Selangor beliau sekali lagi memecahkan rekod kebangsaan dengan mencatatkan masa 30:47.7 dalam acara 10000m. Selanjutnya pada sukan SEA, beliau hanya boleh berpuas hati dengan menyumbang dua (2) pingat perak sahaja. Selepas itu, beliau dipilih sekali lagi untuk mewakili negara ke Kejohanan Padang dan Balapan Asia di New Delhi, India. Di sana, beliau memecahkan rekod kebangsaan sekali lagi dengan catatan masa 30:05.95 tetapi beliau hanya mendapat tempat ke-empat.

Datuk Ramachandran lebih menggemari acara trek berbanding dengan acara lebuhraya. Walaubagaimanapun, beliau tetap memenangi acara lebuhraya dalam pertandingan Larian Antarabangsa Jambatan Terengganu suatu ketika dulu. Selain daripada itu, beliau juga memenangi acara lebuhraya di Jakarta sejauh sepuluh (10) km. Sebagaimana yang kita semua maklum, hidup ini ada pasang surutnya, ibarat roda yang berputar, begitulah keadaan jaguh olahraga negara ini. Dikhabarkan pada tahun 1990 hingga 1992 pencapaian beliau semakin berkurang, namun itu semua tidak mematahkan semangatnya kerana pada tahun berikutnya beliau telah memenangi banyak pingat. Hasil bimbingan serta latihan yang diterima semasa berada di Melbourne, Australia selama tiga (3) bulan dibawah kendalian jurulatih Encik Tony Benson.

Pada sukan SEA 1993 di Singapura, beliau telah memecahkan rekod kebangsaan dengan catatan masa 14:08 dalam acara 5000m, dan kejayaan itu masih kekal sebagai rekod Sukan Sea sehingga kini. Hasil daripada kemenangan tersebut, beliau dikurniakan anugerah John Hancock. Pada kejohanan olahraga dunia di Stuttgart, Jerman beliau telah sekali lagi

memecahkan rekod kebangsaan dalam acara 10000m dengan catatan masa 29:38 dan menjadi atlet pertama negara berlari dibawah tiga puluh (30) minit. Sepanjang kerjaya beliau sebagai seorang atlet sukan balapan bagi acara lari jarak jauh, Datuk Ramachandran telah tujuh (7) kali mewakili Sukan SEA. Selain lima (5) kali mewakili sukan Padang dan Balapan Asia, beliau juga pernah menyertai Sukan Asia dan sukan KOMANWEL. Kejohanan yang tidak dapat dilupakan beliau adalah ketika mewakili negara ke kejohanan dunia, kerana berpuluh ribu penonton berada di dalam stadium dan bersorak menyaksikan pertandingan tersebut.

Menurut Wai (2011), kehebatan Datuk Ramachandran yang lebih senang digelar Rama tidak dapat di pertikaikan lagi. Beliau disifatkan sangat hebat dalam bidang olahraga tanah air dan juga ketika Sukan SEA. Dari tahun 1987, tiada seorang pun mampu mengalahkan beliau di peringkat kebangsaan. Beliau memperoleh lapan (8) pingat emas dan dua (2) perak di acara Sukan SEA menerusi lima (5) temasya sukan iaitu dari tahun 1989 hingga 1999. Wai juga menceritakan segala-galanya mengenai dominasi Datuk Ramachandran dalam acara lari jarak jauh di persada Asia Tenggara. Menurutnya lagi, selepas menjuarai Sukan SEA 1999 di Brunei, Datuk Ramachandran memutuskan untuk bersara sepenuhnya dari sukan ini bagi memberi laluan kepada atlet-atlet muda untuk menggantikannya. Malangnya, tiada siapa mampu mengisi kekosongan itu. Tambah Wai lagi, ketangkasan Datuk Ramachandran memang tiada tolok bandingnya kerana mampu mengekalkan rekod bawah lima belas (15) minit dalam acara 5000m.

### **Pengalaman Sebagai Jurulatih**

Bermula tahun 2002, Datuk Ramachandran menggalas tanggungjawab sebagai jurulatih sukan teras di Melaka. Pada tahun berikutnya, beliau mendapat tawaran menjadi jurulatih di Johor pula. Beliau melatih atlet-atlet di Johor dan Melaka dan telah berjaya melahirkan atlet pemenang pingat emas sukan SUKMA. Pada masa itu, beliau kembali melatih atlet-atlet di bawah pembangunan sukan di Melaka. Atlet-atlet yang dilatih oleh beliau dari kalangan mereka yang berumur lima belas (15) hingga dua puluh (20) tahun.

Datuk Ramachandran Murusamy pernah mendapat tawaran dari luar negara iaitu Singapura dan Brunei untuk menjadi jurulatih sukan olahraga balapan. Walau bagaimanapun, tawaran tersebut tidak diterima kerana beliau tidak berhasrat untuk berkhidmat di negara lain, selain negara kelahiran sendiri. Semangat patriotisme yang tinggi dalam diri beliau merupakan salah satu sebab beliau menolak tawaran keemasan tersebut.

Harapan dan matlamat Datuk Ramachandran sepanjang menjadi jurulatih adalah untuk melahirkan atlet ke peringkat antarabangsa. Antara cabaran yang beliau hadapi sepanjang menjadi jurulatih ialah masalah disiplin atlet-atlet. Menurut beliau, masalah disiplin ini disebabkan atlet-atlet terbabit tiada semangat kesukanan yang tinggi. Beliau berkata, atlet-atlet yang dilatih juga tidak menepati masa seperti datang lambat ketika hari latihan. Keadaan itu mesti diubah bagi memastikan kegemilangan dan kecemerlangan sukan ini dapat dikecapi lagi di masa-masa akan datang.

### **Anugerah**

Pada tahun 1987, penglibatan Datuk Ramachandran Murusamy dalam bidang olahraga balapan telah melayakkan beliau dipilih sebagai olahragawan harapan negeri Johor. Seterusnya, kejayaan berterusan yang diperoleh membolehkan beliau seterusnya dipilih sebagai olahragawan negeri Johor sebanyak empat (4) kali pada tahun 1989, 1990, 1993 dan tahun 1994.

Kecemerlangan Datuk Ramachandran dalam acara larian jarak jauh membolehkan beliau merangkul gelaran olahragawan Malaysia pada tahun 1993. Pada tahun yang sama, beliau berjaya merangkul gelaran olimpian terbaik Malaysia. Beliau juga merupakan atlet pertama yang menerima anugerah Olimpian Terbaik Malaysia. Kecemerlangan dan kejayaan yang dicapai oleh Datuk Ramachandran melayakkan beliau dianugerahkan Pingat Ahli Mangku Negara (AMN) dan Pingat Jasa Kebaktian (PJK) oleh Yang Di-Pertua Negeri Melaka. Selanjutnya di atas sumbang bakti yang tidak ternilai di dalam bidang sukan olahraga, beliau telah dianugerahkan Darjah Pangkuan Seri Melaka yang membawa kepada gelaran Datuk.

**Kesimpulan**

Secara kesimpulannya, sukan olahraga yang juga dikenali sebagai sukan balapan dan padang merupakan sukan yang menarik dan berlainan berbanding sukan lain. Ini kerana, sukan olahraga merangkumi banyak acara yang dipertandingkan dan dapat di sertai oleh atlet lelaki mahupun wanita. Selain itu, melalui pengalaman dan pencapaian yang ada pada atlet-atlet sukan ini membolehkan masyarakat mengetahui dengan lebih jelas tentang jasa-jasa tokoh sukan kebangsaan kerana usaha mereka yang tiada tolak bandingnya dalam usaha mengharumkan nama negara dalam bidang tersebut. Tanpa kesungguhan mereka, tentunya bidang sukan ini di Malaysia tidak akan maju seperti negara-negara lain. Oleh itu, pengalaman dan penglibatan atlet-atlet sukan pada masa lalu seharusnya dijadikan inspirasi agar generasi akan datang dapat mengenali tokoh-tokoh sukan yang telah banyak menyumbang tenaga dan berjasa kepada negara Malaysia tercinta.

**Rujukan**

Nur Azzuwanie Razak & Nur syahidatul Imani Khairol Anuar. (2018). Main teri: Warisan perubatan tradisional dalam kalangan masyarakat Melayu. *Jurnal Sejarah Lisan Malaysia*, 2(2), 1-12.

Wai, T. M. (2011). M.Ramachandran tiada tolok bandingnya. *Utusan Malaysia*, Kuala Lumpur.

Ramachandran, M. (2019, 14 Oktober). Temubual peribadi [Temubual].